

## TERMS AND CONDITIONS

### “ELECTRIC/ PLUG-IN HYBRID VEHICLE CAMPAIGN”

#### Electric / Plug-in Hybrid Vehicle Campaign

1. RHB Islamic Bank Berhad (Registration No.: 200501003283 (680329-V) (referred to as “**RHB**”, unless stated otherwise) is organizing Electric / Plug-in Hybrid Vehicle Campaign (“**the Campaign**”) which commences from 1 January 2024 until 30 June 2024 (“**the Campaign Period**”).

#### Eligibility

2. The Campaign is open to all RHB new and existing customers who purchase a new Electric and/or Plug-in Hybrid vehicle and successfully financed with RHB Green Financing and/or Volvo Car Finance package under RHB Vehicle Financing-i (Variable Rate) (hereinafter referred to as the “**Participated Product**”) during the Campaign Period (hereinafter referred to as the “**Eligible Customer(s)**”).

For avoidance of doubt, full set of terms and conditions for the Participated Product is deemed to be embedded in the RHB Vehicle Financing-i (Variable Rate) Agreement. For further information, please refer Product Disclosure Sheet of the Participated Product which is available on RHB website via [www.rhbgroup.com/files/islamic/financing/auto-loan/PDS\\_VFi\\_VR.pdf](http://www.rhbgroup.com/files/islamic/financing/auto-loan/PDS_VFi_VR.pdf)

#### Campaign Mechanic

3. The Campaign allows Eligible Customer(s) to be entitled for a complimentary of ChargeEV card annual membership worth of RM240 (hereinafter referred to as the “**Campaign Gift**”) upon the disbursement of Participated Product;
4. Eligible Customer(s) will receive the serial number of ChargeEV card from the respective RHB Auto Finance sales representative for the member registration in order to use the car charging service provided by Green EV Charge Sdn Bhd (which known as ChargeEV) upon the disbursement of Participated Product.
5. Physical ChargeEV card will be sent to the mailing address registered with RHB after the disbursement. Please ensure your mailing address registered with RHB is correct and updated.
6. RHB shall not be responsible to the Eligible Customer(s) for any loss suffered in the event that the Eligible Customer(s)’ mailing address in RHB’s record is not current or correct.
7. Every disbursement of Participated Product are entitled for one (1) time Campaign Gift only.
8. Campaign Gift are not transferrable and non-exchangeable in any kind. RHB shall not entertain any request from any of the Eligible Customer(s) or any other persons whomsoever to give away or change the Campaign Gift to any third (3rd) party.
9. Any physical ChargeEV card which are rejected or cannot be delivered for any reason whatsoever shall be deemed to be rejected by the Eligible Customer(s) and shall forthwith be forfeited by RHB and RHB will not entertain any request to redeliver the physical ChargeEV card.
10. RHB’s decision on all matters relating to this Campaign shall be final and binding.
11. RHB reserves the right to substitute the gift with a gift of similar value at any time, with twenty-one (21) calendar days’ prior notice given either by mailing of the aforesaid notices to the Eligible Customers or by sending a notice of the same via Short Messages System (“SMS”) or electronic mail or displayed it at RHB branches or websites or any other means of communication that deemed appropriate and fit by RHB.
12. RHB may disclose or publish the Eligible Customer’s names and the last 4 digits of identification numbers in media, marketing or advertising materials for the purposes of this Campaign.
13. Images of ChargeEV card shown in any marketing and/or advertisement collateral are for visual purposes only and the color/design may vary from the physical card received.

## GENERAL TERMS AND CONDITIONS

14. By participating in the Campaign, the Eligible Customer:
- a. Agrees to be bound by the Terms and Conditions of the Campaign;
  - b. Agrees to access RHB's Website to view the Terms and Conditions and undertakes to be kept up-to-date on any change or variation to the Terms and Conditions;
  - c. Agrees to discontinue any further participation in this Campaign by informing RHB if any future modifications of these Terms and Conditions are unacceptable.
  - d. Agrees that by providing the personal information, the Eligible Customer consents to RHB processing their personal information for any and/or all of the following purposes ("Purpose"), if applicable:
    - i. administering this Campaign and contacting the Eligible Customer in relation to the same;
    - ii. cross-selling, marketing and promotions of products and/or services of RHB Banking Group and its strategic alliances; or
    - iii. other related and legitimate business purposes;
  - e. Agrees that the Eligible Customer personal information may be disclosed to other companies within the RHB Banking Group (which shall include its holding company, subsidiary(s), and any associated company(s), including any company as a result of any restructuring, merger, sale or acquisition), service providers, and vendors and any of their respective agents, servants and/or such persons, whether located within or outside Malaysia for the Purpose, if applicable, subject at all times to any laws (including regulations, standards, guidelines and/or obligations) applicable to RHB.
  - f. May exercise their options in respect of receiving marketing materials (including cross selling, marketing and promotions as described above) by contacting us through the RHB Contact Details.
  - g. May request for correction (if their personal information is inaccurate, outdated, incomplete, etc.), access to (no fees and charges will be imposed for the mode of access except for the fees and charges specified in the relevant documents related to RHB Vehicle Financing-i (Variable Rate)), or deletion (if the Eligible Customer no longer have any existing products/services with RHB Banking Group) of the Eligible Customer personal information or limit the processing thereof at any time hereafter by submitting such request via the following RHB Contact Details:

**RHB Customer Contact Centre Details**  
**Email:** [customer.service@rhbgroup.com](mailto:customer.service@rhbgroup.com)  
**Telephone Number:** 03-9206 8118  
**RHB Now Inbox:** <https://logon.rhb.com.my/>
  - h. If there is any dispute in relation to this Campaign, please refer to RHB Customer Contact Centre at 03-9206 8118 or the Ombudsman for Financial Services (OFS) at 03-2272 2811.
15. RHB reserves its right to:
- a. Disqualify any and all Campaign Gift from any Eligible Customer in this Campaign and prohibit that person from further participating in this Campaign in the event that there is suspicion that the Eligible Customer tampered with or benefited from the tampering of the regulations of this Campaign or the Terms and Conditions stated herein;
  - b. Cancel, terminate or suspend the Campaign with sufficient prior notice. Any cancellation, termination or suspension of the Campaign by RHB shall not entitle the Eligible Customer to any claim or compensation against RHB for any loss or damage incurred by the Eligible Customer as a direct and indirect result of such cancellation, termination or suspension;
  - c. Add, delete, suspend or vary the Terms and Conditions contained herein, either wholly or in part at its absolute discretion by way of posting on RHB website and/or other means of communication that may be deemed appropriate by RHB with sufficient prior notice;
  - d. RHB shall not be liable for any default in respect of the Campaign due any act of God, war (whether declared or undeclared), strike, riot, civil commotion, and act of terrorists which are not attributable to the act, omission, default, negligence and/or misconduct on the part of RHB and/or any of its employees, representatives and agents.
  - e. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and any other brochure, marketing or promotional materials relating to the Campaign, these Terms and Conditions shall prevail.

– End –

## TERMA DAN SYARAT "KEMPEN KENDERAAN ELEKTRIK / HIBRID PLUG-IN"

### Kempen Kenderaan Elektrik / Hibrid Plug-in

1. RHB Islamic Bank Berhad (Nombor Pendaftaran: 200501003283 (680329-V) (dirujuk sebagai "RHB", melainkan dinyatakan sebaliknya) menganjurkan Kempen Kenderaan Elektrik / Hibrid Plug-in ("Kempen") bermula dari 1 Januari 2024 hingga 30 Jun 2024 ("Tempoh Kempen").

### Kelayakan

2. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan RHB yang baru dan sedia ada yang membeli kenderaan Elektrik / Hibrid Plug-in baharu dan berjaya dibiayai dengan pakej RHB Pembiayaan Hijau dan/atau Pembiayaan Kenderaan Volvo dibawah Pembiayaan Kenderaan-i RHB (Kadar Berubah) (selepas ini dirujuk sebagai "Produk Tersenarai") semasa Tempoh Kempen (selepas ini dirujuk sebagai "Pelanggan Berkelayakan").

Untuk mengelakkan keraguan, set penuh terma dan syarat untuk Produk Tersenarai dianggap terkandung dalam Perjanjian Pembiayaan Kenderaan-i RHB (Kadar Berubah). Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk Tersenarai yang boleh didapati di laman web RHB melalui [www.rhbgroup.com/files/islamic/financing/auto-loan/PDS\\_VFi\\_VR.pdf](http://www.rhbgroup.com/files/islamic/financing/auto-loan/PDS_VFi_VR.pdf)

### Kaedah Kempen

3. Kempen ini membolehkan Pelanggan Berkelayakan menikmati keahlian tahunan kad ChargeEV percuma bernilai RM240 (selepas ini dirujuk sebagai "Ganjaran Kempen") setelah pembayaran Produk Tersenarai.
4. Pelanggan Berkelayakan akan menerima nombor siri kad ChargeEV daripada wakil jualan RHB Pembiayaan Kenderaan masing-masing untuk pendaftaran keahlian bagi menggunakan perkhidmatan pengecasan kereta yang disediakan oleh Green EV Charge Sdn Bhd (yang dikenali sebagai ChargeEV) selepas pembayaran Produk Tersenarai
5. Kad fizikal ChargeEV akan dihantar ke alamat surat-menyurat pelanggan yang didaftarkan dengan RHB selepas pembayaran. Sila pastikan alamat surat-menyurat anda yang berdaftar dengan RHB adalah betul dan terkini.
6. RHB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Berkelayakan untuk sebarang kerugian yang dialami sekiranya alamat surat-menyurat pelanggan dalam rekod RHB adalah bukan terkini atau betul
7. Setiap pembayaran Produk Tersenarai akan mendapat satu (1) kali Ganjaran Kempen sahaja.
8. Ganjaran Kempen tidak boleh dipindah milik atau ditukar ganti dalam apa-apa bentuk sekalipun. RHB tidak akan melayan apa-apa permintaan daripada mana-mana Pelanggan Berkelayakan, atau pihak lain untuk memindah milik atau menukar Ganjaran Kempen kepada pihak ketiga.
9. Sebarang kad fizikal ChargeEV yang ditolak atau tidak boleh dihantar atas apa-apa sebab sekalipun akan dianggap ditolak oleh Pelanggan Berkelayakan dan akan dengan serta-merta dilucuthakkan oleh RHB dan RHB tidak akan melayan sebarang permintaan untuk penghantaran semula kad fizikal ChargeEV.
10. Keputusan RHB mengenai semua perkara berkaitan Kempen ini adalah muktamad.
11. RHB berhak untuk menggantikan ganjaran tersebut dengan sebarang ganjaran lain yang mempunyai nilai yang sama pada bila-bila masa, dengan notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar yang diberikan kepada Pelanggan Berkelayakan sama ada melalui pos atau Sistem Pesanan Ringkas ("SMS") atau surat elektronik atau paparan notis di cawangan RHB atau laman web atau cara komunikasi lain yang RHB anggap bersesuaian.
12. RHB boleh mendedahkan atau menerbitkan nama Pelanggan Berkelayakan beserta 4 digit terakhir nombor pengenalan mereka pada media, bahan pemasaran atau pengiklanan untuk tujuan Kempen ini.
13. Imej kad ChargeEV yang ditunjukkan dalam mana-mana kolateral pemasaran dan/atau iklan adalah untuk tujuan visual sahaja dan warna/ reka bentuk mungkin berbeza daripada kad fizikal ChargeEV yang diterima.

## TERMA DAN SYARAT UMUM

14. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan Berkelayakan:
- Bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen;
  - Bersetuju untuk mengakses Laman Web RHB untuk meneliti Terma dan Syarat dan berjanji untuk mengambil maklum tentang sebarang kemas kini atau perubahan kepada Terma dan Syarat;
  - Bersetuju untuk menghentikan sebarang penyertaan lanjut dalam Kempen ini dengan memaklumkan kepada RHB jika tidak boleh menerima sebarang pengubahsuaian Terma dan Syarat ini pada masa hadapan.
  - Bersetuju bahawa dengan memberikan maklumat peribadi, Pelanggan Berkelayakan bersetuju untuk RHB memproses maklumat peribadi mereka bagi sebarang dan/atau semua tujuan berikut ("Tujuan"), jika berkenaan:
    - menguruskan Kempen ini dan menghubungi Pelanggan Berkelayakan berhubung perkara yang sama;
    - jualan silang, pemasaran dan promosi produk dan/atau perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB dan pakatan strategiknya; atau
    - tujuan perniagaan lain yang berkaitan dan sah;
  - Bersetuju bahawa maklumat peribadi Pelanggan Berkelayakan boleh didedahkan kepada syarikat lain dalam Kumpulan Perbankan RHB (yang termasuk syarikat induknya, anak-anak syarikat dan mana-mana syarikat bersekutu, termasuk mana-mana syarikat akibat daripada sebarang penyusunan semula, penggabungan, penjualan atau pengambilalihan), penyedia perkhidmatan, dan vendor dan ejen masing-masing, pegawai dan/atau orang-orang tersebut, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut, jika berkenaan, tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau obligasi) terpakai kepada RHB.
  - Boleh menggunakan pilihan mereka berkenaan dengan penerimaan bahan pemasaran (termasuk jualan silang, pemasaran dan promosi seperti yang diterangkan di atas) dengan menghubungi kami melalui Maklumat Perhubungan RHB.
  - Boleh meminta pembetulan (jika maklumat peribadi mereka tidak tepat, tidak terkini, tidak lengkap, dll.), akses kepada (tiada fi dan caj akan dikenakan keatas cara mengakses kecuali fi dan caj yang dinyatakan dalam dokumen yang berkaitan dengan Pembiayaan Kenderaan-i RHB (Kadar Berubah)), atau penghapusan (jika Pelanggan Berkelayakan tidak lagi mempunyai sebarang produk/perkhidmatan sedia ada dengan Kumpulan Perbankan RHB) maklumat peribadi Pelanggan Berkelayakan atau mengehadkan pemprosesan pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut melalui Maklumat Perhubungan RHB berikut:

**Maklumat Pusat Perhubungan Pelanggan RHB**  
**Email:** [customer.service@rhbgroup.com](mailto:customer.service@rhbgroup.com)  
**Nombor telefon:** 03-9206 8118  
**Peti Masuk RHB Now:** <https://logon.rhb.com.my/>
  - Jika terdapat sebarang pertikaian berhubung dengan Kempen ini, sila rujuk kepada Pusat Perhubungan Pelanggan RHB di 03-9206 8118 atau Ombudsman for Financial Services (OFS) di 03-2272 2811.
15. RHB berhak untuk:
- Melucutkan kelayakan mana-mana atau semua Ganjaran Kempen dari mana-mana Pelanggan Berkelayakan dalam Kempen serta melarang orang tersebut untuk terus mengikuti Kempen sekiranya terdapat kecurigaan bahawa Pelanggan Berkelayakan diubah atau mendapat manfaat daripada gangguan dari peraturan Kempen atau Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini;
  - Membatalkan, menghentikan atau menangguhkan Kempen dengan pemberitahuan awal yang mencukupi. Sebarang pembatalan, penamatan atau penangguhan Kempen oleh RHB tidak akan memberi hak kepada Pelanggan Berkelayakan untuk tuntutan atau pampasan terhadap RHB atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan Berkelayakan sebagai akibat langsung dan tidak langsung dari pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut;
  - Tambah, padam, tangguh atau ubah Terma dan Syarat yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian mengikut budi bicaranya dengan cara menyiarkan di laman web RHB dan/atau cara komunikasi lain yang mungkin boleh dianggap sesuai oleh RHB dengan notis yang mencukupi;
  - RHB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan berkenaan dengan Kempen disebabkan oleh apa-apa bencana, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), mogok, rusuhan, kekecohan awam, dan tindakan penganas yang tidak disebabkan oleh perbuatan, peninggalan, keingkaran, kecuaihan dan/atau salah laku di pihak RHB dan/atau mana-mana pekerja, wakil dan ejennya.
  - Sekiranya berlaku sebarang ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dan mana-mana brosur, bahan pemasaran atau promosi lain yang berkaitan dengan Kempen, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.

- Tamat -